

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HKB 112 – Karya-Karya Besar daripada Kesusasteraan Asia

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini menagndungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Pilih DUA soalan daripada **Bahagian A**, dan DUA soalan daripada **Bahagian B**.

Bahagian A

1. [a] Jelaskan maksud dua pandangan sarjana berikut tentang Kesusasteraan Asia:
 - [i] *The very thought of a superior European culture is a blatant insult to the majesty of Nature.*

[Johann Gottfried von Herder]
 - [ii] *The tendency to overgeneralise conclusions and judgements about a foreign culture can be countered by careful study of concrete examples from ...works of imaginative literature.*

[Barbara Stoller-Miller]
- [b] Berdasarkan saranan mereka, nyatakan pendekatan yang wajar untuk memahami, menghayati dan menilai Kesusasteraan Asia.
2. Bincangkan maksud *masterworks*. Dengan merujuk kepada mana-mana teks *masterworks*, huraikan dua ciri sejagat dan dua ciri tempatan yang dapat dikesan dalam teks pilihan anda itu.
3. Karya **Layla Majnun** oleh Nizami Ganjavi adalah kisah cinta dua insan yang malang. Sejauhmanakah pernyataan ini benar?
4. Berasaskan rangkap puisi **Gitanjali** karya Rabindranath Tagore yang dilampirkan (Lampiran A), bincangkan corak perhubungan penyair dengan Tuhannya.

Bahagian B

5. Dengan menggunakan teks drama **Sangkuriang** karya R.T.A. Sunarja, bincangkan nilai-nilai pengajaran yang terkandung dalam teks ini yang relevan dengan kehidupan masyarakat masa kini. Jawapan anda mesti dibuktikan dengan contoh-contoh.

6. "Kekuatan novel **Dewi Putih** karya Ren Shaozeng terletak kepada pengorbanan cinta wirawatnya". Bahaskan kebenaran pernyataan ini.

7. Dengan merujuk kepada cerpen "Marionette" karya Khin Myo Chit, huraikan bentuk dan cara persembahan kesenian Myanmar yang terakam dalam karya ini. Kemudian, bincangkan punca-punca yang menyebabkan watak wira dalam karya ini 'terpaut hati' dengan kesenian tersebut.

8. Cerpen "The Izu Dancer" merupakan adikarya Yasunari Kawabata. Cerpen inilah yang memperkenalkan Kawabata ke dunia Barat dan menjadi perintis jalan untuknya meraih anugerah Nobel bagi Kesusasteraan pada tahun 1968. Bincangkan kekuatan-kekuatan persoalan yang terkandung dalam cerpen ini hingga mampu mengangkat nama Kawabata ke mata dunia kesusasteraan antarabangsa.

Lampiran A

Petikan **Gitanjali** oleh Rabindranath Tagore
Terj. Latif Mohidin

tiada hentinya
engkau bentuk aku
menurut kemahuanmu
berkali-kali
engkau kosongkan
piala rapuh ini
serta engkau isikan lagi
dengan hidup baru

melalui bukit dan lembah
engkau bawa beserta
seruling buluh ini
dan engkau hembuskan ia
senantiasa
dengan nyanyian baru

pada sentuhan
kekal tanganmu
pecahlah batas gembira
di hati kecilku
dan lahirlah kata itu
tak upaya diucapkan

kurniamu maha besar
datang padaku
betapa hanya melalui tangan kecilku ini
abad datang
dan abad lalu
tetapi engkau
senantiasa memberi
dan ruang itu
senantiasa pula ada
untuk diisi